

# Masih banyak ruang untuk jadi **wanita** usahawan

KEDATANGAN 2007 membuka lembaran baru bagi setiap individu. Azam baru dipanjatkan dengan harapan akan tercapai sebelum 2008. Bagi Presiden Persatuan Wanita Bumiputera Dalam Perniagaan Dan Profesion Malaysia (Peniagaawati), Hazimah Zainuddin, 44, hala tuju Peniagaawati pada 2007 cenderung kepada pengurusan kerana usahawan perlu sentiasa melengkapkan diri menghadapi pelbagai kemungkinan, terutama membabitkan kenaikan harga barang.

“**K**enaikan harga minyak dan bahan mentah boleh menjejaskan sektor perniagaan. Oleh itu pengurusan perlu cekap. Misalnya, usahawan barangan makanan terjejas kerana kenaikan harga minyak dan gula. Dia perlu buat keputusan bijak untuk menangani kenaikan kos pengangkutan dan pembuatan,” jelas Hazimah ketika ditemui di pejabat Peniagaawati.

Minda kelas pertama adalah perkara yang ditekankan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdulah Ahmad Badawi ketika membentangkan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9). Justeru, bagi Hazimah kata-kata Perdana Menteri disambut baik kerana minda bernas sememangnya perlu untuk menjana keusahawanan berkesan.

Peniagaawati ditubuhkan pada 1981 menyediakan pelbagai program untuk wanita yang mahu menceburi bidang perniagaan

“Kira-kira 12,000 wanita menyertai Persekutuan Usahawan Wanita Malaysia (FEM) dan 800 daripadanya ialah Peniagaawati. Peniagaawati memastikan mereka menerima khidmat terbaik seperti nasihat dan bantuan. Apa yang penting ialah memupuk minda kelas pertama dengan menghadiri seminar dan berbincang sesama ahli,” kata Hazimah yang juga pengerusi FEM.

Menurut Hazimah, usahawan yang berpersatuan lebih terjamin kerana suara mereka lebih didengar berbanding berniaga sendirian.

“Jika ahli ada masalah mendapatkan geran atau pinjaman, saya boleh membantu menerusi perbincangan. Jadi, tidak perlu melalui banyak kerenah birokrasi,” terang Hazimah.



## Pasaran China dan India

Menurut Hazimah, Malaysia masih banyak ruang untuk diselami bagi usahawan yang mahu mencuba. Misalnya, bidang bioteknologi atau pertanian. Sekarang ini kerajaan banyak memberi tumpuan kepada dua bidang ini.

"Semua bidang yang mahu diceburi perlukan ilmu. Oleh itu, sebelum mencuba kita perlu melengkapkan diri dengan ilmu. Tidak guna jika kerajaan menggalakkan bertani tetapi kita tidak tahu selok-belok bidang pertanian.

"Usahawan makanan beku tempatan agak sukar menembusi pasaran di pasar raya besar kerana tidak menepati kriteria ditetapkan seperti pembungkusan, kualiti dan spesifikasi standard halal. Kami di Peniagawati berusaha membantu usahawan ini agar berjaya menembusi pasaran tempatan sebelum pasaran antarabangsa," katanya.

Apabila ditanya mengenai pasaran Asia, Hazimah mengatakan bahawa China dan India mempunyai luas untuk ditembusi.

"Keluasan negara dan bilangan rakyat yang ramai memberi pelbagai kelebihan kepada usahawan yang berjaya menembusi pasaran China dan India. Banyak barangan buatan Malaysia boleh diterima di sana kerana gaya hidup antara Malaysia dan dua negara ini hampir sama," katanya. Menurut Hazimah, Malaysia dilihat sebagai negara maju oleh China dan India. Oleh itu, kualiti barangan kita dinilai sebagaimana barangan antarabangsa.

Barangan yang sesuai dijual di kedua-dua negara itu ialah makanan, perkhidmatan teknologi maklumat dan fesyen.

Pun begitu ia bergantung kepada permintaan semasa.

"Bidang keusahawanan banyak bergantung kepada kehendak pasaran. Contohnya, jika mahu menjual pakaian, usahlah baju kurung kerana mungkin sukar dipasarkan.

Namun jika kita mahu import kain ke Malaysia, boleh dapatkannya dari China atau India kerana murah," kata Hazimah.

Dia juga berharap usahawan wanita mampu menembusi pasaran Pakistan dan Bangladesh kerana ada banyak peluang.

Hazimah turut menggalakkan lebih ramai wanita bangkit sebagai usahawan kerana hanya 13 peratus wanita di negara ini menceburi bidang itu berbanding 34 peratus di kalangan wanita di Filipina.

## Dana kerajaan untuk usahawan

RMK-9 ada menyebut kerajaan memperuntukkan pelbagai dana untuk menyuntik semangat rakyat menjadi usahawan berjaya. Antaranya ialah Dana Pelaburan Strategik, Dana Penyusunan Semula Industri, Dana Automasi dan dana khusus untuk bioteknologi, produk halal dan kraf tangan. Kemunculan pelbagai dana baru ini dilihat sebagai kesungguhan kerajaan menjadikan Malaysia sebagai wilayah ekonomi untuk usahawan.

"Wanita di Malaysia bertuah kerana mempunyai kerajaan yang menitikberatkan ekonomi wanita dan perlu merebut peluang itu. Kita bukan meminta-minta tetapi menggunakan kesempatan yang diberi.

Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Koperasi juga banyak membantu. Bantuan dana ini bukan untuk bumiputera sahaja tetapi bukan bumiputera. Tidak timbul masalah perkauman," katanya.

Fungsi Peniagawati ialah menggalakkan wanita menceburi bidang keusahawanan.

Hazimah menggalakkan usahawan baru berurusan dengan Jabatan Pembangunan Industri Kecil Dan Sederhana (Smidec) untuk mengetahui peluang perniagaan.

"Datuk Seri Rafidah Aziz (Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri) pernah berkata mengapa tidak ramai usahawan wanita datang ke Smidec sedangkan banyak dana diperuntukkan. Pada saya, ini kerana sikap tidak mahu ambil tahu," katanya.

Menurut Hazimah, jika sikap negatif ini berterusan tidak mustahil matlamat kerajaan untuk mencapai 30 peratus usahawan Bumiputera pada 2020 tidak akan tercapai.

## Cabaran 2007

Bagi Hazimah, cabaran sebagai usahawan berlaku sepanjang tahun. Untuk mendaftar perniagaan mudah dan semurah dua ringgit tetapi mempertahankan perniagaan hingga ke tahap kejayaan maksimum amat sukar.

"Bagi saya cabaran perniagaan pada tahun baru ini ialah mendapatkan strategi terbaik untuk terus mempertahankan perniagaan dan berkongsi dengan semua usahawan wanita," kata Hazimah.

Selain itu, jangan memulakan perniagaan dengan kad kredit dan menjadi penjamin bagi mengelakkan nama disenaraihitamkan jika berlaku sesuatu tidak diingini. Hazimah juga menasihatkan wanita agar melengkapkan diri dengan ilmu perniagaan sebelum menceburinya. Bidang perniagaan banyak cabaran dan kepahitan tetapi manisnya akan timbul apabila mendapat keuntungan. Membaca juga banyak membantu menjadi usahawan terbaik.

"Jika berpersatuan, jangan pertikai apa yang persatuan akan beri kepada kita. Fikirkan apa yang kita mahu daripada persatuan. Semuanya boleh terlaksana jika ada kerjasama," kata Hazimah mengakhiri perbualan.

### Statistik usahawan wanita dalam industri kecil dan sederhana di negara Asia terpilih

Negara	Peratus
Filipina	34
Korea	32
Indonesia	30
China	20
Malaysia	13
India	6

Sumber: Kementerian Pembangunan Industri Kecil India, 2000